SALINAN UNIT KEWANGAN

# LAPORAN TAHUNAN '95

## Annual Report




IKIM

Agama Islam yang sebenarnya ialah Kepercayaan yang berlandaskan Al-Quran dan Hadis. Islam adalah agama yang mudah dan memenuhi kehendak rohani dan jasmani manusia. Islam juga bersifat toleran terhadap semua penganut agama lain. Seorang Muslim yang sejati ialah yang beramal dengan suruhan Penciptanya serta berusaha mengharmonikan hubungannya dengan alam ini.

*True Islam has always been based on the Qur'an and the Hadiths. It is devoid of cultural or racial tints. Islam is a religious system of normal actions and most broadminded tolerance of other faiths. A true Muslim is one who is in harmony with the decrees of the Creator of this universe and who has made peace with God and His creatures.*



## Kandungan/*Contents*


Lembaga Pengarah **2**
*Board of Directors*

Pengurusan Kanan Institut **3**
*Senior Management*

Penyata Pengerusi **4**
*Chairman's Statement*

Laporan Aktiviti bagi Tahun 1995 **10**
*Report of Activities in 1995*

Laporan Pengarah dan Penyata Kewangan bagi Tahun 1995 **39**
*Directors' Report and Financial Statement for the Year 1995*

Senarai Ahli-ahli IKIM **69**
*List of IKIM Members*

Senarai Kehadiran Ahli ke Mesyuarat Agung Tahunan IKIM yang Ke-3 **71**
*List of Members' Attendance to IKIM's Third Annual General Meeting*



## Lembaga Pengarah / *Board of Directors*

Pengerusi/*Chairman:*

Y.Bhg. Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid
mulai 15 Mac 1992

Ahli-ahli/Members:

Y.Bhg. Tan Sri Datuk Prof. Ahmad bin Mohd. Ibrahim
mulai 18 Februari 1992

Y.Bhg. Dato' Ahmad Nordin bin Haji Mohd. Zain
mulai 18 Februari 1992

Y.Bhg. Dato' Dr. Ismail bin Haji Ibrahim
mulai 16 April 1992

Y.Bhg. Prof. Dr. Mohd. Kamal bin Hassan
mulai 9 Jun 1992

YB. Datuk Zainal Abidin bin Abd. Kadir
mulai 9 Jun 1992

Y.Bhg. Tan Sri Dato' S.O.K. Ubaidulla
mulai 5 Ogos 1993

Y.Bhg. Dato' Dr. Abdul Halim bin Haji Ismail
mulai 5 Ogos 1993

Y.Bhg. Datuk Dr. Ghazali bin Abd. Rahman
bersara mulai 7 Oktober 1995

Y.Bhg. Datuk Abdul Kadir bin Jasin
mulai 5 Ogos 1993

Prof. Madya Dr. Muhammad Nur Manuty
mulai 5 Ogos 1993

Prof. Madya Dr. Balkis bt. Haji Abu Bakar
mulai 7 Oktober 1995

Setiausaha/*Secretary*:

Tuan Haji Abd. Rahim bin Abdul
mulai 16 Mei 1994



## Pengurusan Kanan / *Senior Management*

Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid
Pengerusi/*Chairman*

Dato' Dr. Ismail bin Haji Ibrahim
Ketua Pengarah/*Director–General*

### Pentadbiran / *Administration*

Tuan Haji Abd. Rahim bin Abdul
Setiausaha/*Secretary*

Encik Che Pee bin Samsudin
Akauntan/*Accountant*

Tuan Haji Abd. Kadir bin Che' Mat
Pengurus Program/*Programme Manager*

Cik Amnah bt. Mohd. Ali
Pengurus Penerbitan Video/*Video Publishing Manager*

Encik Alias bin Ibrahim
Pengurus Penerbitan/*Publishing Manager*

Encik Faisal bin Sabikon
Pegawai Perpustakaan/*Librarian*
Sehingga September 1995

Puan Zaiton bt. Rashid
Pegawai Perhubungan Awam/*Public Relations Officer*

Puan Sarina bt. Othman
Penyunting/*Editor*

Encik Md. Kanafiah bin Othman
Pegawai Tadbir/*Administrative Officer*

### Penyelidikan/*Research*

Datuk Dr. Syed Othman bin Syed Hussain Alhabshi
Timbalan Ketua Pengarah/*Deputy Director–General*

Encik Nik Mustapha bin Haji Nik Hassan
Fellow Kanan/*Senior Fellow*

Dato' Dr. Abdul Monir bin Yaacob
Fellow Kanan/*Senior Fellow*

Encik Anuar bin Ab. Razak
Fellow/*Fellow*

Encik Mohd. Ridhuan Tee Abdullah
Pegawai Penyelidik/*Research Officer*

Cik Siti Fatimah bt. Abdul Rahman
Pegawai Penyelidik/*Research Officer*

Encik Ahmad Faiz bin Abdul Rahman
Pegawai Penyelidik/*Research Officer*

Puan Hamiza bt. Ibrahim
Pegawai Penyelidik/*Research Officer*

Cik Wan Roslili bt. Abd. Majid
Pegawai Penyelidik/*Research Officer*

Encik Abu Bakar bin Yang
Pegawai Penyelidik/*Research Officer*

Encik Mohd. Fauzi bin Mustaffa
Pegawai Penyelidik/*Research Officer*

Encik Khairul Azhar bin Idris
Pegawai Penyelidik/*Research Officer*

### Pejabat Berdaftar/*Registered Office*

Lot 26647, Jalan Langgak Tunku
off Jalan Duta
50480 Kuala Lumpur
Tel. No: 03 - 6510889/1952/53/54/70
Fax : 03 - 6511951

### Juruaudit/*Auditors*

Jaafar Hussein & Co.
11th Floor, Wisma Sime Darby
Jalan Raja Laut, P.O. Box 10192
50706 Kuala Lumpur
Tel. No: 03 - 2931077  Fax : 03 - 2930997

# Penyata Pengerusi

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) yang telah didaftarkan sebagai sebuah syarikat berhad dengan jaminan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 18 Februari 1992 dan dilancarkan pada 3 Julai 1992 oleh Y.A.B. Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri, mendukung objektif-objektif berikut:

- membetulkan imej agama Islam yang telah dicemarkan oleh pelbagai pihak sebagai agama yang dikatakan mereka mempunyai ciri-ciri keganasan, konservertisma, fanatisma, kemunduran, kemiskinan dan aspek-aspek negatif;
- menjelaskan kepada umum bahawa Islam ialah agama yang mendukung kebenaran, dinamik, toleran dan mempunyai nilai-nilai murni yang bercorak *universal*;
- mewujudkan suasana harmoni dan perasaan saling hormat-menghormati, supaya semua orang Islam boleh berbangga dengan agama mereka dan orang bukan Islam pula berasa selamat di bawah undang-undang negara;
- mengadakan forum bagi para sarjana Islam dan bukan Islam untuk membincangkan dan menganalisis isu yang menjadi kepentingan bersama;
- mewujudkan kesedaran dan kefahaman yang mendalam tentang isu-isu antarabangsa yang memberi kesan langsung kepada umat Islam.



Y.Bhg. Tan Sri Dato' Seri
Ahmad Sarji bin Abdul Hamid

Sebagai langkah mencapai matlamat penubuhannya, IKIM telah dan akan terus melaksanakan aktiviti-aktiviti berikut:

- menjalankan aktiviti penyelidikan yang melibatkan penyelidikan menyeluruh dan bersepadu tentang peranan Islam dan umat Islam bagi menghadapi cabaran semasa yang timbul akibat daripada keadaan dunia yang

## Chairman's Statement

*Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) was registered as a limited company with a guarantee under the Companies Act 1965 on 18 February 1992. Consequently, it was launched on 3 July 1992 by His Excellency Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, the Prime Minister. IKIM was established with the following objectives:*

- *to help place the image of Islam in its rightful position. Many ill-informed people perceive Islam as a religion so densed with terrorism, conservatism, fanaticism, backwardness, poverty and other degrading aspects;*
- *to explain to the masses that Islam is a religion that promotes the concept of truthfulness and it thrives on tolerance, dynamism and so full of extraordinarily pure and valuable universal precepts;*
- *to help nurture into society the harmonious living conditions whereby there are the feelings of mutual respect in which Muslims can feel worthy of being Muslims while the non-Muslims would feel secure under the laws embodied in the country's constitutions;*
- *to provide a platform for Muslims and non-Muslims scholars so as to enable them to discuss or to analyse issues of mutual importance;*
- *to create indepth awareness and understanding of international issues that bring direct impact on Muslims.*

*To achieve the objectives of which IKIM was formed, the following activities had been carried out and they will be continued:*

- *to carry out research activities that include intensive and integrated researches on the*



Menyambut ketibaan YAB. Perdana Menteri
*Welcoming the Prime Minister*



Tetamu Kehormat,
Puteri Maha Chakri Sirindhorn dari Thailand
*Distinguished guest, Princess Maha Chakri Sirindhorn of Thailand*

berubah-ubah. Semua ini bertujuan untuk menyelesaikan isu-isu penting.

✎ menghasilkan bahan penerbitan, termasuk buku, majalah dan jurnal untuk bacaan umum dan kumpulan sasar;

✎ menganjurkan persidangan, forum, perbincangan dan dialog dalam mempelbagaikan percambahan fikiran bagi mencari penyelesaian isu-isu yang tertentu;

✎ berkerjasama dengan organisasi tempatan dan luar negeri dalam menjayakan program-program bagi manfaat bersama.

IKIM akan terus berusaha meningkatkan kefahaman masyarakat tentang ajaran dan nilai-nilai Islam serta hubungannya dengan kehidupan. IKIM akan terus membentuk pandangan-pandangan yang terbuka tentang pelbagai isu yang dihadapi oleh negara, Islam dan penganut-penganutnya.

Sepanjang tahun 1995, IKIM telah menjalankan pelbagai program dan aktiviti seperti yang berikut:

❑ penyelidikan;

❑ penerbitan buku;

❑ persidangan, seminar, bengkel, forum, dialog, ceramah dan lain-lain;

❑ forum IKIM di Televisyen Malaysia;

❑ sumbangan artikel secara tetap di akhbar-akhbar tempatan;

❑ penerbitan berkala seperti Perspektif, Visi dan Jurnal;

❑ menerima lawatan dan rombongan dari dalam dan luar negara;

❑ jaringan hubungan;

❑ terjemahan buku masyhur.

*role of Islam and the ummah and how they are to face current challenges that come about as the result of the changing world scenario;*

- *to publish and issue newsletters, magazines, journals and books for public consumption and for specific target groups;*

- *to organise conferences, forums, discussions and dialogues so as to enrich and to encourage intellectual discourses and to help solve the prevailing issues;*

- *to cooperate with local and overseas organisations and institutions in undertaking joint programmes for mutual benefits.*

*IKIM will always strive to uplift the understanding of Islam, its teachings, its universal values and their realistic context in the daily life of humankind to all members of the society. This institute will persistently pursue the concept of opened discussions or views on matters faced by the country, Islam and the ummah.*

*Throughout the year 1995, IKIM had carried out the following programmes and activities:*

- *researches;*
- *books publishing;*
- *conferences, seminars, workshops, forums, etc.;*
- *TV forums over Radio and Television Malaysia;*
- *regular releases of articles in leading local newspapers;*
- *newsletters, magazines and journals publishing;*
- *attending to visits and tour groups;*
- *networking;*
- *translating great books on Islam.*



Melayan para wakil media
*Responding to the media people's unwavering curiousities*

Semua aktiviti yang telah disebutkan telah dijalankan dengan lancarnya sepanjang tahun 1995. Semua hasil penyelidikan, persidangan, seminar, bengkel, forum dan sebagainya telah dibukukan untuk dimanfaatkan oleh masyarakat tempatan dan juga antarabangsa. Di samping itu, penyebaran buku-buku terbitan IKIM secara meluas akan dapat memperkayakan lagi budaya keilmuan di semua peringkat masyarakat.

Maklum balas yang diterima daripada orang ramai berhubung aktiviti-aktiviti IKIM yang dijalankan khasnya tentang semua persidangan, seminar dan forum yang telah diadakan amatlah menggalakkan. Ini memberikan galakan kepada pegawai dan kakitangan IKIM untuk berkhidmat dengan lebih gigih pada tahun-tahun mendatang. Walaupun IKIM mempunyai bilangan pegawai dan kakitangan yang kecil, namun pemilihan yang teliti telah menghasilkan pegawai dan kakitangan yang berkemampuan dan berkualiti tinggi bagi memastikan kejayaan IKIM yang berterusan dan mampu mewujudkan imej korporat yang cemerlang untuk membawa IKIM ke peringkat yang lebih tinggi.

IKIM ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan dalam apa jua bentuk. Bantuan dan kerjasama yang telah dihulurkan ini banyak membantu IKIM melaksanakan program dan aktiviti-aktiviti sepanjang tahun 1995. IKIM juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan yang telah memperuntukkan RM3.311 juta kepada IKIM sebagai geran tahunan.

Walaupun IKIM hanya berusia tiga tahun, namun IKIM telah mula dikenali oleh masyarakat sejagat sebagai sebuah organisasi yang dapat memainkan peranan yang penting dalam usaha menyebarkan kefahaman Islam yang sebenarnya dalam usaha kerajaan mewujudkan perpaduan nasional selaras dengan matlamat Wawasan 2020.

**TAN SRI DATO' SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID**
Pengerusi
Institut Kefahaman Islam Malaysia



Asyik dengan buku baru
*So immersed in a newly launched book*

*Throughout the year 1995, all of the activities mentioned were efficiently executed. All research findings, conferences, seminars, workshops, forums, etc., were documented for the benefits of the world at large in furtherance of the true understanding of Islam. It is also hoped that IKIM's publications would enrich the society as a whole in its pursuit of knowledge.*

*The feedbacks received from the public on various activities carried out by IKIM such as the conferences, seminars and forums were extremely encouraging. This has encouraged IKIM officers and staff to work even harder in the years ahead. Eventhough IKIM has only a handful of personnel, nonetheless, with stringent selection criteria, IKIM has successfully recruited highly capable and quality staff to ensure continuing success so as to be able to sustain excellent corporate image which would carry IKIM to greater heights.*

*IKIM would like to convey its appreciation to those who have contributed in one way or another towards the successful implementation of IKIM's activities and programmes throughout the year. IKIM too would like to thank the Federal Government for its allocation of RM3.311 millions towards IKIM's operating expenses.*

*Despite the fact that IKIM is only in its third year of operation, IKIM manages to make its presence felt amongst the world community as an organisation that can play an important role in disseminating the true understanding of Islam and also in bringing about national unity in line with the objective of Vision 2020.*




Kehalusan seni khat menyemarakkan rasa ria
*Articulate calligraphy brings a reason to rejoice*

***TAN SRI DATO' SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID***
*Chairman*
*Institute of Islamic Understanding Malaysia*

# Laporan Aktiviti Bagi Tahun 1995

## Penubuhan dan Matlamat

IKIM yang ditubuhkan sebagai sebuah syarikat berhad dengan jaminan di bawah Akta Syarikat 1965 ditadbir oleh sebuah lembaga pengarah yang bertanggungjawab kepada Y.A.B. Perdana Menteri.

Institut ini ditubuhkan untuk mencapai objektif yang berikut:

- Menjalankan aktiviti penyelidikan dan aktiviti perundingan yang akan melibatkan penyelidikan menyeluruh dan bersepadu tentang peranan Islam dan umat Islam untuk menghadapi hakikat dunia kontemporari;
- Menjadi forum bagi sarjana Islam dan bukan Islam untuk membincangkan dan menganalisis isu yang menjadi kepentingan bersama;
- Mewujudkan kesedaran dan kefahaman yang mendalam tentang isu-isu antarabangsa yang mungkin mempunyai kesan langsung atau tidak langsung kepada umat Islam; dan
- Bertindak sebagai sumber maklumat bagi hal ehwal umat Islam.



IKIM memupuk kefahaman Islam yang mantap
*IKIM fosters the true sense of Islamic understanding*

## Laporan Kegiatan dan Pencapaian

IKIM ditadbir oleh sebuah lembaga pengarah yang dipengerusikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Negara yang telah dilantik oleh Y.A.B. Perdana Menteri sebagai Pengerusi IKIM pertama pada 15 Mac 1992. Y.Bhg. Dato' Dr. Ismail bin Haji Ibrahim selaku salah seorang ahli lembaga pengarah telah dilantik oleh Y.A.B. Perdana Menteri sebagai Ketua Pengarah IKIM mulai 16 April 1992 dan Tuan Haji Abd. Rahim bin Abdul telah dipinjamkan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai Setiausaha IKIM mulai 16 Mei 1994.

# Activities Report

## Formation and Objectives

*IKIM was established as a limited company with a guarantee under the Companies Act 1965. It is administered by a board of directors which is directly answerable to the Prime Minister. This institute was formed to carry out the following activities:*

- *researches and consultancy works that involve complete and integrated efforts on the role of Islam and its ummah so as to enable them to face the realities of the contemporary world;*
- *to function as a forum for Muslims and non-Muslim scholars to discuss and analyse issues of common interest;*
- *to create indepth awareness and understanding of international issues that are likely to have direct or indirect impact on Muslims; and*
- *to be the source of information concerning Muslims' affairs.*



Konsentrasi para peserta seminar
*Steeped in attention*

## Activities and Achievements Report

*IKIM is administered by a board of directors in which Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid is the Chairman who at the same time is the Chief Secretary to the Government. This appointment was conferred upon him by the Prime Minister, thus honouring him of being the very first IKIM Chairman starting 15 March 1992.*

*Consequently, the Prime Minister had also appointed Dato' Dr. Ismail bin Haji Ibrahim, a member of the board of directors, as IKIM's first Director-General, commencing 16 April 1992. Tuan Haji Abd. Rahim bin Abdul, a senior officer of the Public Service Department was appointed as IKIM Secretary beginning 16 May 1994.*



Sessi mesyuarat agung tahunan
*Annual general meeting in session*

## Lembaga Pengarah

IKIM telah ditadbir oleh sebuah Lembaga Pengarah terdiri daripada sebelas orang ahli, enam daripadanya ialah ahli lantikan kerajaan (*government nominees*) dan lima orang ahli dilantik dalam mesyuarat agung tahunan. Sepanjang tahun 1995, lembaga pengarah telah bersidang sebanyak tiga kali pada tarikh-tarikh yang berikut:

- ❑ 17 Januari 1995
- ❑ 13 Mac 1995
- ❑ 27 Jun 1995

Bagi melicinkan urusan pentadbiran IKIM, lembaga pengarah telah juga melantik tiga jawatankuasa seperti yang berikut:

- ❑ Jawatankuasa Perlantikan dan Perjawatan
- ❑ Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburan
- ❑ Jawatankuasa Tatatertib dan Disiplin

## Pengambilan Pegawai dan Kakitangan

Sehingga akhir tahun 1995, jumlah pegawai dan kakitangan IKIM ialah seramai 53 yang dibahagikan dalam tiga kumpulan:

- ❑ Kumpulan Pengurusan Tertinggi – 9 orang
- ❑ Kumpulan Pengurusan Pertengahan – 14 orang
- ❑ Kumpulan Sokongan – 30 orang

## Board of Directors

*IKIM is administered by a board of directors comprising eleven members. Six of them are government nominees and five other members were elected in the annual general meeting. Throughout the year 1995, three meetings were held on the following dates:*

- *17 January 1995*
- *13 March 1995*
- *27 June 1995*

*The board of directors had appointed the following subcommittees:*

- *Appointment and Establishment Committee*
- *Finance and Investment Committee*
- *Disciplinary Committee*

## Staff Intake

*Up to the end of the year 1995, IKIM's staff strength stood at fifty three, categorised as the following:*

- *Senior Management Group – 9 persons*
- *Middle Management Group – 14 persons*
- *Supporting Staff Group – 30 persons*



Keriangan hari keluarga
*Family day fun*

Pada tahun 1995, beberapa perlantikan pegawai dan kakitangan telah dibuat untuk mengisi kekosongan jawatan akibat perletakan jawatan kakitangan. Beberapa jawatan tambahan juga telah diwujudkan dan ini telah menjadikan jumlah pegawai dan kakitangan IKIM lima puluh tiga orang semuanya. Perlantikan tersebut adalah seperti yang berikut:

- Cik Nik Mazelinda bt. Nik Zainal Abidin
  Jurutaip, dilantik pada 3 Januari 1995
- Cik Rafeah bt. Ahmad
  Jurutaip, dilantik pada 3 Januari 1995
- Encik Syaiful bin Rusli
  Pekerja Rendah Awam, dilantik pada 3 Februari 1995
- Cik Normah bt. Mohd. Ghazali
  Jurutaip, dilantik pada 3 Februari 1995
- Encik Nazri bin Ramli
  Pemandu, dilantik pada 8 Mac 1995
- Cik Wan Roslili Abd. Majid
  Pegawai Penyelidik, dilantik pada 15 April 1995
- Encik Abu Bakar bin Yang
  Pegawai Penyelidik, dilantik pada 17 April 1995
- Encik Mohd. Fauzi bin Mustaffa
  Pegawai Penyelidik, dilantik pada 2 Mei 1995
- Encik Khairul Azhar bin Idris
  Pegawai Penyelidik, dilantik pada 16 Mei 1995
- Encik Hamran bin Ali
  Pembantu Am Rendah, dilantik pada 8 Oktober 1995
- Encik Razali bin Mamat
  Pemandu, dilantik pada 20 Oktober 1995
- Cik Saniah bt. Haji Armia
  Pegawai Perpustakaan, dilantik pada 20 November 1995
- Prof. Dr. Muddathir Abdel Rahim
  Juruperunding Luar dari Sudan
  mulai 5 Oktober 1995



Penyelenggaraan bahan perpustakaan
*Putting library books in record*

*During the year 1995, there were several appointments made to fill up certain vacancies and some additional posts, making the total member of IKIM staff to fifty three. The appointments are as the following:*

- *Cik Nik Mazelinda bt. Nik Zainal Abidin*
  *Typist, appointed on 3 January 1995*

- *Cik Rafeah bt. Ahmad*
  *Typist, appointed on 3 January 1995*

- *Encik Syaiful bin Rusli*
  *Junior Office Assistant, appointed on 3 January 1995*

- *Cik Normah bt. Mohd. Ghazali*
  *Typist, appointed on 3 February 1995*

- *Encik Nazri bin Ramli*
  *Driver, appointed on 8 March 1995*

- *Cik Wan Roslili Abd. Majid*
  *Research Officer, appointed on 15 April 1995*

- *Encik Abu Bakar bin Yang*
  *Research Officer, appointed on 17 April 1995*

- *Encik Mohd. Fauzi bin Mustaffa*
  *Research Officer, appointed on 2 Mei 1995*

- *Encik Khairul Azhar bin Idris*
  *Research Officer, appointed on 16 Mei 1995*

- *Encik Hamran bin Ali*
  *Junior Office Assistant, appointed on 8 October 1995*

- *Encik Razali bin Mamat*
  *Driver, appointed on 20 October 1995*

- *Cik Saniah bt. Haji Armia*
  *Librarian, appointed on 20 November 1995*

- *Prof. Dr. Muddathir Abdel Rahim*
  *Foreign Consultant, appointed on 5 October 1995*



Penggunaan komputer secara menyeluruh
*Computerisation is the norm of the day*

## Penerbitan IKIM Sepanjang Tahun 1995

Penerbitan yang telah diterbitkan sepanjang tahun 1995 adalah seperti yang berikut:

### Buku

- ***Undang-undang Keterangan dan Prosedur di Mahkamah*** disunting oleh Dato' Dr. Abdul Monir bin Yaacob
- ***Pemerintahan Islam dalam Masyarakat Majmuk*** disunting oleh Dato' Dr. Abdul Monir bin Yaacob dan Sarina bt. Othman
- ***Penerapan Nilai-nilai Murni dalam Pentadbiran Awam*** disunting oleh Dato' Dr. Ismail bin Haji Ibrahim dan Wan Roslili Abd. Majid
- ***Perpaduan Teras Kemajuan Negara*** (diterbitkan semula dengan ihsan JPM)
- ***Quality and Productivity: Creating A Difference in Modern Industry and Corporations*** disunting oleh Datuk Dr. Syed Othman Alhabshi dan Nik Mustapha bin Haji Nik Hassan
- ***Islamic Civilisation: Present and Future Challenges*** disunting oleh Datuk Dr. Syed Othman Alhabshi dan Nik Mustapha bin Haji Nik Hassan



Himpunan khazanah maklumat
*A treasure trove of information*

### Jurnal IKIM

- Jurnal IKIM Vol. 3 No. 1 January - June
- Jurnal IKIM Vol. 3 No. 2 July - Disember

### Majalah

- Visi Bil. 7 Januari - Mac
- Visi Bil. 8 April - Jun
- Visi Bil. 9 Julai - September
- Visi Bil. 10 Oktober - Disember

## Publications

*Books and periodicals published in the year 1995 are as the following:*

## Books

- ❑ ***Undang-undang Keterangan dan Prosedur di Mahkamah*** *edited by Dato' Dr. Abdul Monir bin Yaacob*

- ❑ ***Pemerintahan dalam Masyarakat Majmuk*** *edited by Dato' Dr. Abdul Monir bin Yaacob and Sarina bt. Othman*

- ❑ ***Penerapan Nilai-nilai Murni dalam Pentadbiran Awam*** *edited by Dato' Dr. Ismail bin Haji Ibrahim and Wan Roslili bt. Abd. Majid*

- ❑ ***Perpaduan Teras Kemajuan Negara*** *(republished by permission of the Prime Minister's Office)*

- ❑ ***Quality and Productivity: Creating a Difference in Modern Industry and Corporations*** *edited by Datuk Dr. Syed Othman Alhabshi and Nik Mustapha bin Haji Nik Hassan*

- ❑ ***Islamic Civilisation: Present and Future Challenges*** *edited by Datuk Dr. Syed Othman Alhabshi and Nik Mustapha bin Haji Nik Hassan*



Jualan buku
*Selling briefly*

## IKIM Journal

- ❑ *Journal Vol. 3 No. 1 January - June*

- ❑ *Journal Vol. 3 No. 2 July - December*

## Magazine

- ❑ *Visi No. 7 January - March 1995*

- ❑ *Visi No. 8 April - June 1995*

- ❑ *Visi No. 9 July - September 1995*

- ❑ *Visi No. 10 October - December 1995*

## Buletin

- ❑ Perspektif Bil.9 Januari - Mac
- ❑ Perspektif Bil. 10 April - Jun
- ❑ Perspektif Bil. 11 Julai - September
- ❑ Perspektif Bil. 12 Oktober - Disember

## Persidangan/Seminar dan Aktiviti-aktiviti Lain Tahun 1995



IKIM memupuk toleransi antara agama dan kepercayaan
*IKIM promotes religious tolerance*

Seminar yang telah diadakan sepanjang tahun 1995 adalah seperti yang berikut:

❑ 27 - 28 Januari 1995

Seminar "Penerapan Nilai-nilai Murni dalam Pentadbiran Awam" di Dewan Besar, IKIM

❑ 7 - 28 April 1995

Seminar "Pengurusan dan Pentadbiran dari Perspektif Islam" di Dewan Besar, IKIM

❑ 17 - 18 Ogos 1995

Seminar "Pemerintahan dalam Masyarakat Majmuk" di Dewan Besar, IKIM

❑ 13 - 14 September 1995

Seminar "Fanaticism and Islam" anjuran bersama IKIM dan UIA di Dewan Besar, IKIM

❑ 26 - 27 Oktober 1995

Seminar "Pembangunan Sepadu Ke Arah Masyarakat Cemerlang" di Dewan Besar, Kompleks MAIS, Sabah

❑ 18 - 19 Disember 1995

Seminar "Islam, Science and Technology" di Dewan Besar, IKIM

## Newsletter

- *Perspektif No. 9 January - March 1995*
- *Perspektif No. 10 April - June 1995*
- *Perspektif No. 11 July - September 1995*
- *Perspektif No. 12 October - December 1995*

## Conferences/Seminars and Related Activities in 1995

*Seminars that were organised by IKIM in the year 1995 are as the following:*

- *27 - 28 January 1995*

*Seminar on the "Absorption of Ethical Values in Public Administration. Venue: IKIM Main Hall*

- *7 - 28 April 1995*

*Seminar on "Management and Administration From Islamic Perspective". Venue: IKIM Main Hall*

- *17 - 18 August 1995*

*Seminar on "Governing The Plural Society". Venue: IKIM Main Hall*

- *13 - 14 September 1995*

*Seminar on "Fanaticism and Islam" jointly organised by IKIM and UIA. Venue: IKIM Main Hall*

- *26 - 27 October 1995*

*Seminar on "Integrated Development Towards Excellent Society". Venue: MAIS Complex, Sabah*

- *18 - 19 December 1995*

*Seminar on "Islam, Science and Technology". Venue: IKIM Main Hall*



Peserta jauh dan dekat
*Participants come from near and afar*



Dialog: satu cara menangani pemesongan fakta
*Dialogue: one way of seeing things in the right proportion*

## Sudut Pandangan IKIM

- 8 April 1995

"Perubahan Sosio-Budaya dari Perspektif Al-Quran" oleh Dato' Dr. Ismail bin Haji Ibrahim

- 17 Jun 1995

"Pelaksanaan Undang-undang Islam dalam Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah di Malaysia" oleh Dato' Dr. Abdul Monir bin Yaacob

- 15 Julai 1995

"Towards A Better Economic Management -The Role of Public and Private Sectors In Islam" oleh Encik Nik Mustapha bin Haji Nik Hassan

- 14 Oktober 1995

"Women In The Muslim Society" oleh Encik Anuar bin Ab Razak

- 9 Disember 1995

"Aspek Sekular dalam Konteks Ilmu Pengetahuan dan Amalan" oleh Ustaz Uthman El-Muhammady

## Sudut Perbincangan

- 21 September 1995

"Perbezaan Pendapat dalam Islam" oleh Ustaz Uthman El-Muhammady

- 25 November 1995

"Perbezaan Pendapat dalam Islam" Siri ke-2 oleh Ustaz Uthman El-Muhammady

## IKIM's Viewpoint

- *8 April 1995*

*"Socio-Cultural Changes From Quranic Perspective" by Dato' Dr. Ismail bin Haji Ibrahim*

- *17 June 1995*

*"Implementation of Islamic Law in Civil and Syariah Courts" by Dato' Dr. Abdul Monir bin Yaacob*

- *15 July 1995*

*"Towards A Better Economic Management -The Role of Public and Private Sectors in Islam" by Encik Nik Mustapha bin Haji Nik Hassan*

- *14 October 1995*

*"Women in the Muslim Society" by Encik Anuar bin Ab Razak*

- *9 December 1995*

*"Secular Aspects in the Context of Knowledge and Practice" by Ustaz Uthman El-Muhammady*

## Discussion Corner

- *21 September 1995*

*"Differences of Opinion in Islam" by Ustaz Uthman El-Muhammady*

- *25 November 1995*

*"Differences of Opinion in Islam: No. 2" by Ustaz Uthman El-Muhammady*



En. Nik Mustapha, fellow kanan IKIM ditemubual oleh seorang penyampai sebuah stesyen televisyen
*En. Nik Mustapha, IKIM senior fellow, being interviewed by a newscaster of a TV station*

## Ceramah

Beberapa siri ceramah telah diadakan sepanjang tahun seperti yang berikut:

- 25 Mac 1995

Ceramah "Islam and The West" oleh Dr. Bassam Tibi dari Jerman di Dewan Besar, IKIM

- 1 Julai 1995

Ceramah "Islam and Interpretation" oleh Dr. Peter Heath, Amerika Syarikat di Dewan Besar, IKIM

- 17 Julai 1995

Ceramah "Islam in the Twenty-First Century" oleh Dr. Khalid Abdullah Tariq Al-Mansour di Dewan Besar, IKIM

- 4 November 1995

Ceramah "The Problems and Prospects of Religion in the Modern World" oleh Prof. Dr. Bruce Bennet Lawrence (USA) di Dewan Besar, IKIM

- 2 Disember 1995

Ceramah "Islam and Social Integration" oleh Prof. Dr. Muddathir Abdel-Rahim, Juruperunding Luar IKIM, di Dewan Besar, IKIM

## Forum IKIM Di TV Malaysia

Forum-forum IKIM di TV Malaysia telah diadakan seperti yang berikut:

- 31 Januari 1995

"Ketahanan Diri Bangsa Malaysia" di TV1.

- 30 Mei 1995

"Peranan Sektor Korporat dalam Pembangunan Negara". Encik Nik Mustapha bin Haji Nik Hassan selaku pengantara



En. Anuar, di sebelah kiri sekali,
sedang mempengerusikan sebuah forum televisyen
*En. Anuar, extreme left, monitoring a television forum*

## Talks

*Various talks organised by IKIM throughout the year are as the following:*

- *25 March 1995*

*"Islam and the West" by Dr. Bassam Tibi from Germany. Venue: IKIM Main Hall*

- *1 July 1995*

*"Islam and Interpretation" by Dr. Peter Heath, USA. Venue: IKIM Main Hall*

- *17 July 1995*

*"Islam in the Twenty-First Century" by Dr. Khalid Abdullah Tariq Al-Mansour. Venue: IKIM Main Hall.*

- *4 November 1995*

*"The Problems and Prospects of Religion in the Modern World" by Prof. Dr. Bruce Bennet Lawrence (USA). Venue: IKIM Main Hall*

- *2 December 1995*

*"Islam and Social Integration" by Prof. Dr. Muddathir Abdel-Rahim, IKIM Foreign Consultant. Venue: IKIM Main Hall*

## TV Forums

*IKIM held the following forums with the cooperation of Radio and Television Malaysia (RTM):*

- *31 January 1995*

*"Resilient Malaysians" on TV1*

- *30 May 1995*

*"The Role of Corporate Sectors in National Development". Moderated by Encik Nik Mustapha bin Haji Nik Hassan*



Krew rakaman forum televisyen
*Television forums recording crew*




Penegasan fakta
*Stressing a point*

❑ 25 Julai 1995

"Hak Asasi Manusia" . Dato' Dr. Abdul Monir bin Yaacob selaku pengantara

❑ 29 Ogos 1995

"Membudayakan Sains, Teknologi dan Reka Cipta dalam Masyarakat" . En. Anuar bin Ab. Razak selaku pengantara

## Forum Umum

❑ 13 September 1995

"Kewibawaan Institusi Hadis" oleh Ustaz Uthman El-Muhammady (Fellow Kehormat IKIM) dan Prof. Madya Dr. Mohd Radzi bin Haji Othman (USM)

## Rencana Untuk Akhbar

❑ The Star pada setiap hari Selasa.

❑ New Straits Times pada hari Sabtu, dua minggu sekali.

❑ Utusan Malaysia setiap hari Jumaat.

❑ Shin Min Daily News pada hari Isnin, dua minggu sekali.

## Lawatan/Rombongan

Sepanjang tahun 1995, IKIM telah menerima lawatan-lawatan dari dalam dan luar negara seperti yang berikut:

❑ 19 Januari 1995

Lawatan Peserta Tilawah Al-Quran Angkatan Tentera Malaysia

❑ 15 Februari 1995

Lawatan Dr. M. Manzoor Alam, Pengerusi Institute of Objective Studies dari New Delhi

❑ *25 July 1995*

*"Fundamental Rights". Moderated by Dato' Dr. Abdul Monir bin Yaacob*

❑ *29 August 1995*

*"The Acculturation of Science, Technology and Invention in Society". Moderated by Encik Anuar bin Ab Razak*

## General Forum

❑ *13 September 1995*

*"The Credibility of the Hadith" by Ustaz Uthman El-Muhammady (IKIM Distinguished Fellow ) and Prof. Madya Dr. Mohd Radzi bin Haji Othman (USM)*

## Newspaper Articles

❑ *The STAR - every Tuesday*

❑ *The New Straits Times - Saturday (biweekly)*

❑ *Utusan Malaysia - every Friday*

❑ *Shin Min Daily News - Monday (biweekly)*

❑ *Berita Minggu - Question and Answer Session (weekly)*

## Visits/Tours

*Throughout the year, IKIM had the honour of receiving notable personalities and visitors from within Malaysia and abroad as listed below:*

❑ *19 January 1995*

*The participants of Tilawah Al-Quran of the Malaysian Armed Forces*

❑ *15 February 1995*

*Dr. M. Manzoor Alam, Chairman of the Institute of Objective Studies, New Delhi*




IKIM mendapat perhatian antarabangsa dalam jangka masa yang singkat
*IKIM is fast commanding international attention*



Datuk Syed Othman Alhabshi, Timbalan Ketua Pengarah IKIM bersama pelajar-pelajar Australia
*IKIM Deputy Director – General, Datuk Syed Othman Alhabshi flanked by some Australian students*

❑ 16 Februari 1995

Lawatan Arkitek KLCC

❑ 23 Februari 1995

Kunjungan Mr. Koya Takahashi dari Matshushita Institute of Government and Management

❑ 9 Mac 1995

Lawatan T.Y.T. Duta Perancis

❑ 11 Mac 1995

Lawatan dari Switzerland - Malaysian Culture Group

❑ 16 Mac 1995

Lawatan kakitangan Pejabat Tanah dan Daerah Perak Darul Ridzuan

❑ 11 April 1995

Lawatan kakitangan Universiti Islam Antarabangsa Islamabad, Pakistan

❑ 8 Mei 1995

Lawatan pelajar-pelajar Universiti Victoria, Australia

❑ 20 Mei 1995

Lawatan murid-murid Sekolah Kebangsaan Kampung Gelam, Tanjung Kling, Melaka

❑ 22 Jun 1995

Kunjungan Setiausaha Pesuruhjaya Tinggi Singapura, Encik Richard Grosse

❑ 28 Jun 1995

Lawatan pensyarah-pensyarah ekonomi, Institut Teknologi MARA, Shah Alam

❑ *16 February 1995*

*KLCC Architects*

❑ *23 February 1995*

*Mr. Koya Takahashi of Matshushita Institute of Government and Management, Japan*

❑ *9 March 1995*

*H.E. Ambassador of France*

❑ *11 March 1995*

*Switzerland - Malaysian Cultural Group*

❑ *16 March 1995*

*Perak Darul Ridzuan Land Office Officers*

❑ *11 April 1995*

*International Islamic University Delegation, Islamabad, Pakistan*

❑ *8 May 1995*

*Australia's University of Victoria students*

❑ *20 May 1995*

*Students of Kampung Gelam School, Tanjung Kling, Melaka*

❑ *22 June 1995*

*Mr. Richard Grosse, Second Secretary, Singapore High Commission*

❑ *28 June 1995*

*Economic lecturers of Mara Institute of Technology*



Delegasi dari Jerman
*The German delegates*



Mr. Robin Ord-Smith dari Suruhanjaya Tinggi British menerangkan sesuatu kepada Pengurus Program IKIM, Puan Sarina Othman
*IKIM Programme Manager, Puan Sarina Othman, listening to Mr. Robin Ord-Smith of the British High Commission*

- 5 Julai 1995

Lawatan ahli Jawatankuasa Pergerakan Kebajikan Wanita Islam (PERWIBA)

- 6 Julai 1995

Lawatan Rombongan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

- 12 Julai 1995

Lawatan Ahli Jawatankuasa Badan Kebajikan Anak-anak Melayu Negeri Sembilan

- 14 Julai 1995

Lawatan Ahli Badan Kebajikan Islam Parlimen

- 22 Julai 1995

Lawatan Menteri Pendidikan Palestin

- 26 Julai 1995

Lawatan dari Majlis Agama Islam Sabah

- 4 Ogos 1995

Lawatan dari Yayasan Islam Terengganu

- 5 Ogos 1995

Lawatan dari Bahagian Teknikal Jabatan Kerja Raya (JKR) Kuala Lumpur

- 14 Ogos 1995

Kunjungan Penerbit Rancangan TV3 (Unit Majalah)

- 15 Ogos 1995

Lawatan Jawatankuasa Hubungan Luar Parlimen Jerman (Bundestag)

❑ *5 July 1995*

*Committee members of Pergerakan Kebajikan Wanita Islam (PERWIBA)*

❑ *6 July 1995*

*Permanent Secretary, Brunei Darussalam*

❑ *12 July 1995*

*Committee members of Badan Kebajikan Anak-Anak Melayu Negeri Sembilan*

❑ *14 July 1995*

*Members of the Islamic Association of the Malaysian Parliament*

❑ *22 July 1995*

*The Palestinian Education Minister*

❑ *26 July 1995*

*Sabah Islamic Council*

❑ *4 August 1995*

*Terengganu Islamic Foundation Delegation*

❑ *5 August 1995*

*Technical Division of Public Works Department Delegation, Kuala Lumpur*

❑ *14 August 1995*

*Producers of TV3's Magazine Unit*

❑ *15 August 1995*

*Foreign Relations Committee of the German Parliament (Bundestag)*



Laporan media luar negara
*Foreign media coverage*



Nama IKIM harum hingga ke Benua Afrika
The words about IKIM are heard as faraway as the African continent

- 22 Ogos 1995

Lawatan Dr. Klaus Pahler, wakil Pertubuhan Konrad Adenauer Stistung di Malaysia

- 29 Ogos 1995

Lawatan Ketua Masyarakat Sudan Selatan

- 5 September 1995

Lawatan Pegawai Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia

- 9 September 1995

Lawatan Puteri Pos Malaysia

- 16 September 1995

Lawatan Setiausaha Agong Persidangan Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC), Dr. Hamid Al-Gabid

- 16 September 1995

Lawatan Biro Pendidikan Puspanita Kementerian Kesihatan

- 18 September 1995

Lawatan T.Y.T. Dr. Salem Jaber Ahmad Al-Sabah Duta Kuwait

- 20 September 1995

Lawatan Pengerusi Pusat Kebudayaan Islam Mauritius

- 10 Oktober 1995

Lawatan Ahli PSC Study Tour, Australia

- 10 Oktober 1995

Kunjungan Mr. Juergen Staks, Pengarah Bahagian Asia Tenggara/ASEAN, Australia, New Zealand, Pasific/APEC Kementerian Luar German

❑ *22 August 1995*

*Dr. Klaus Pahler, the Representative of Konred Adenauer Stistung Association in Malaysia*

❑ *29 August 1995*

*Leaders of South Sudan*

❑ *5 September 1995*

*Officers of the Malaysian Army Religious Core*

❑ *9 September 1995*

*Members of Puteri Pos Malaysia*

❑ *16 September 1995*

*Dr. Hamid Al-Gabid, Secretary–General, The Organisation of Islamic Countries (OIC)*

❑ *16 September 1995*

*Puspanita members, Education Bureau of the Health Ministry*

❑ *18 September 1995*

*H.E. Dr. Salem Jaber Ahmad Al-Sabah, the Ambassador of Kuwait*

❑ *20 September 1995*

*Chairman of Islamic Cultural Centre, Mauritius*

❑ *10 October 1995*

*Members of PSC Study Tour, Australia*

❑ *10 October 1995*

*Mr. Juergen Staks, Director for ASEAN, Australia, New Zealand, Pacific/APEC Division, Ministry of Foreign Affairs, Germany*



Lawatan ke perpustakaan
Library visit



Pencinta kebenaran akan merantau
ke mana jua demi mendapatkannya
*tors in search of Islamic understanding*
*l go to the place where they can find it*

- 11 Oktober 1995

Lawatan Duta Jepun, TYT Encik Nabou Matsunaga

- 17 Oktober 1995

Lawatan peserta-peserta Kursus Pra Gred 2, Kumpulan 3/1995 (INTAN)

- 18 Oktober 1995

Lawatan Encik Sapura dan Syeikh Abd Rahman Saat Azzeir, Pejabat Chancery, Kedutaan Arab Saudi

- 24 Oktober 1995

Lawatan T.Y.T. Duta Sudan, H.E Omar Osman El Hassan

- 3 November 1995

Lawatan Ms. Lee Liung Chian, Freelancer/ Stringer, German TV ARD Studio Singapore

- 10 November 1995

Lawatan Exco Dewan Tertinggi Pelajar KUSZA

- 14 November 1995

Lawatan Sekolah Menengah Agama Falahiah, Sidam Kanan, Kedah

- 15 November 1995

Lawatan Mr. Xavier Roux, Navy Advisor, Institute for National Defence Studies, Perancis

- 1 Disember 1995

Lawatan Dr. Anas S. al-Syeikh Ali, Director, International Institute of Islamic Thought, London

- 1 Disember 1995

Lawatan T.Y.T. Sergio Barcellos Telles, Duta Brazil

❑ *11 October 1995*

*H.E. Mr. Nabou Matsunaga, the Ambassador of Japan*

❑ *17 October 1995*

*Participants of Pre-Gred 2 Course, Group 3/1995 (INTAN)*

❑ *18 October 1995*

*Mr. Sapura and Syeikh Abd Rahman Saat Azzeir, from the Islamic Chancellor Office of Saudi Arabian Embassy*

❑ *24 October 1995*

*H.E. Omar Osman El Hassan, the Ambassador of Sudan*

❑ *3 November 1995*

*Ms. Lee Liung Chian, Freelancer/Stringer, German TV ARD Studio, Singapore*

❑ *10 November 1995*

*Students Exco of KUSZA, Terengganu*

❑ *14 November 1995*

*Falahiah Islamic Secondary School, Kedah*

❑ *15 November 1995*

*Mr. Xavier Roux, Navy Advisor, Institute for National Defence Studies, France*

❑ *1 December 1995*

*Dr. Anas S. al-Syeikh Ali, Director, International Institute of Islamic Thought, London*

❑ *1 December 1995*

*H.E. Sergio Barcellos Telles, Ambassador of Brazil*



Setiausaha IKIM, Tuan Haji Abdul Rahim Abdul, menyambut mesra kedatangan Setiausaha Agung OIC
*IKIM Secretary, Tuan Haji Abdul Rahim Abdul, welcoming the Chief Secretary of OIC*

❑ 5 Disember 1995

Lawatan Ahli Jawatankuasa Badan Kebajikan Islam, Hospital Besar Tengku Ampuan Rahimah, Klang

❑ 20 Disember 1995

Lawatan dari Persatuan Pendidikan Universiti Utara Malaysia




Buku terbitan IKIM – *Islam and Tolerance* di kedai buku balai berlepas lapangan terbang
*IKIM book – Islam and Tolerance at the departure hall's bookshop of the airport*

## Terjemahan Buku-buku Masyhur

Buku-buku yang sedang diterjemahkan oleh IKIM adalah seperti yang berikut:

❑ Ma'alim al-Minhajal-Islami oleh Muhammad 'Immaruh.

❑ Rihlah oleh Ibn Battutah.

❑ Hujatullah al-Balighah oleh Shah Wali Allah.

❑ An-Nuqud fi'al-Islam oleh al-Maqrizi.

❑ Futuh al-Buldan oleh al-Balazuri.

## Aktiviti-aktivi Lain

❑ 10 Februari 1995

Majlis berbuka puasa dan sembahyang tarawih di IKIM

❑ 30 Mac 1995

Majlis Jamuan Hari Raya untuk kakitangan IKIM

❑ 10 - 11 Jun 1995

Hari Keluarga IKIM di ILHAM, Blue Lagoon, Port Dickson

❑ 13 Julai 1995

Majlis Ramah Mesra Bersama Wartawan di IKIM.

❑ 7 Oktober 1995

Anugerah Khidmat Cemerlang IKIM

Mesyuarat Agung Tahunan Ketiga IKIM

- *5 December 1995*

*Committee members of Islamic Association of Tengku Ampuan Rahimah Hospital, Klang*

- *20 December 1995*

*Members of Educational Association of Universiti Utara Malaysia*

## Book Translations

*IKIM has undertaken translation works on some of the important great books on Islam as the following:*

- *Ma'alim al-Minhajal-Islami by Muhammad 'Immaruh.*
- *Rihlah by Ibn Battuta.*
- *Hujatullah al-Balighah by Shah Wali Allah.*
- *An-Nuqud fi'al-Islam by Al-Maqrizi.*
- *Futuh al-Buldan by Al Balazuri.*

## Other Activities

- *10 February 1995*

*Breaking the fast and terawih prayers at IKIM*

- *30 March 1995*

*Hari Raya gathering for IKIM's staff.*

- *10 - 11 June 1995*

*IKIM family day at ILHAM, Blue Lagoon, Port Dickson*

- *13 July 1995*

*Meet the media people session at IKIM*

- *7 October 1995*

*IKIM's 1994 Excellent Service Awards Day*

*IKIM Third Annual General Meeting*





INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA
(Diperbadankan di Malaysia)

## LAPORAN PARA PENGARAH

Pengarah-pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta dengan akaun-akaun Institut Kefahaman Islam Malaysia ('Institut') yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 1995.

## AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Aktiviti-aktiviti utama Institut adalah:

(i) menjalankan aktiviti penyelidikan dan rundingan tentang peranan Islam dan umat Islam untuk menghadapi hakikat semasa yang timbul hasil dari keadaan dunia yang berubah-ubah;

(ii) menjadi forum bagi sarjana Islam dan bukan Islam membincangkan dan menganalisis isu yang menjadi kepentingan bersama;

(iii) mewujudkan kesedaran dan kefahaman yang mendalam tentang isu antarabangsa yang mungkin mempunyai kesan langsung atau tidak langsung kepada umat Islam; dan

(iv) bertindak sebagai sumber maklumat bagi hal ehwal umat Islam dan memberi sumbangan kepada pengubalan dasar pada peringkat negara, serantau dan antarabangsa.

## KEPUTUSAN KEWANGAN

| | RM |
|---|---|
| Lebihan pendapatan atas perbelanjaan bagi tahun | 53,013 |

## DIVIDEN

Tiada dividen yang dibayar atau diisytihar oleh Institut sejak akhir tahun lalu. Lembaga Pengarah tidak mencadangkan sebarang pengisytiharan bagi tahun berakhir 31 Disember 1995.

LAPORAN PARA PENGARAH (BERSAMBUNG)

## PENGARAH-PENGARAH

Pengarah-pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh laporan yang lalu adalah seperti berikut:-

| | |
|---|---|
| Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid | |
| Tan Sri Datuk Prof. Ahmad bin Mohd. Ibrahim | |
| Dato' Ahmad Nordin bin Haji Mohd. Zain | |
| Prof. Dr. Mohd. Kamal bin Hassan | |
| Datuk Haji Zainal Abidin bin Abdul Kadir | |
| Dato' Dr. Ismail bin Haji Ibrahim | |
| Datuk Abdul Kadir bin Jasin | |
| Datuk Dr. Mohd Ghazali bin Haji Abdul Rahman | (bersara mulai 7 Oktober 1995) |
| Prof. Madya Dr. Muhammad Nur Manuty | |
| Dato' Dr. Abdul Halim bin Haji Ismail | |
| Tan Sri Dato' S.O.K. Ubaidulla | |
| Prof. Madya Dr. Balkis bt Abu Bakar | (dilantik mulai 7 Oktober 1995) |

Menurut Artikel 35 Tataurusan Institut, Prof. Madya Dr. Muhammad Nur Manuty bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, dan oleh kerana layak, menawarkan diri untuk dilantik semula.

## FAEDAH PENGARAH-PENGARAH

Di sepanjang dan pada akhir tempoh kewangan, tiada rancangan diatur dimana Institut menjadi satu pihak, dengan tujuan atau tujuan-tujuan untuk membolehkan Pengarah-pengarah Institut memperolehi kemudahan-kemudahan dengan cara memperolehi saham-saham atau debentur-debentur Institut atau lain-lain perbadanan.

Tiada pengarah yang menerima atau berhak menerima apa-apa kemudahan (selain daripada faedah-faedah yang dinyatakan sebagai faedah Pengarah dalam Nota 4 kepada akaun) dengan sebab kontrak yang dibuat oleh Institut atau syarikat berkaitan dengan Pengarah, atau firma yang mana beliau seorang ahli, atau dengan syarikat dimana beliau mempunyai kepentingan kewangan yang utama.

## MAKLUMAT BERKANUN KEPADA AKAUN

Sebelum akaun pendapatan dan perbelanjaan dan kunci kira-kira disediakan, Pengarah-pengarah telah mengambil langkah-langkah yang berpatutan:

(a) untuk menentukan tindakan diambil mengenai penghapusan hutang lapuk dan penyediaan peruntukan untuk hutang ragu dan telah berpuas hati bahawa semua hutang-hutang lapuk yang diketahui sudah dihapuskan dan peruntukan yang mencukupi sudah dibuat untuk hutang-hutang ragu; dan

LAPORAN PARA PENGARAH (BERSAMBUNG)

(b) untuk memastikan supaya harta-harta semasa, selain daripada hutang-hutang, yang tidak mungkin mencapai nilainya dalam urusan perniagaan biasa, seperti yang ditunjukkan dalam rekod-rekod perakaunan Institut, telah diturunkan nilainya kepada jumlah yang dijangka boleh diperolehi.

Pada tarikh laporan ini, Pengarah-pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan:

(a) yang boleh menyebabkan jumlah-jumlah yang dihapuskan untuk hutang-hutang lapuk atau jumlah peruntukan untuk hutang-hutang ragu dalam akaun Institut tidak mencukupi dengan banyaknya; atau

(b) yang boleh menyebabkan kekeliruan terhadap nilai harta-harta semasa Institut; atau

(c) yang berbangkit yang boleh mendatangkan kekeliruan atau kejanggalan kepada cara yang ada untuk menilai harta dan tanggungan Intitut.

Tiada tanggungan luarjangka atau lain-lain tanggungan yang telah dikuatkuasakan atau yang boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang pada pendapat Pengarah-pengarah, boleh atau mungkin akan menjejaskan kebolehan Insitut untuk menepati janjian-janjian bila tiba masanya.

Pada tarikh laporan ini, tidak ada berlaku:

(a) tuntutan ke atas harta-harta Institut yang timbul sejak akhir tahun kewangan kerana menjamin tanggungan seorang lain; atau
(b) tanggungan luarjangka Institut yang timbul sejak akhir tahun kewangan.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

Pada tarikh laporan ini, Pengarah-pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan, selain daripada yang dinyatakan di dalam laporan ini atau di dalam akaun-akaun yang boleh mengakibatkan kekeliruan terhadap sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam akaun-akaun.

Pada pendapat Pengarah-pengarah:

(a) keputusan operasi Institut di sepanjang tahun kewangan tidak banyak terjejas oleh sebarang perkara, urusniaga atau kejadian penting dan luarbiasa; dan

(b) tidak ada berlaku di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, sebarang perkara, urusniaga atau kejadian yang penting dan luarbiasa yang boleh menjejaskan keputusan Institut bagi tempoh kewangan di dalam mana laporan ini dibuat.

INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PARA PENGARAH (BERSAMBUNG)

JURUAUDIT

Juruaudit, Jaffar Hussein & Co., telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan perkhidmatan.

Bagi pihak Lembaga Pengarah

TAN SRI DATO' SERI AHMAD SARJI
BIN ABDUL HAMID
PENGERUSI

DATO' DR. ISMAIL BIN HAJI IBRAHIM
PENGARAH

Kuala Lumpur

10 Jun 1996




Dicetak oleh Perniagaan Rita K.L